



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR  
UNIT AUDIT DALAM**

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

Pemohonan adalah dipelawa daripada rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau Warganegara Malaysia untuk mengisi kekosongan jawatan secara *Contract of Service* sebagaimana berikut:

**SKIM JAWATAN : PENOLONG JURUAUDIT**

**KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEWANGAN (W)**

**TARAF JAWATAN : KONTRAK**

**GRED : W29**

**JADUAL GAJI :**

<b>Gaji Minimum</b>	<b>Gaji Maksimum</b>	<b>Kadar Kenaikan Gaji Tahunan</b>
RM1,498.00	RM5,678.00	RM145.00

**ELAUN-ELAUN :** Imbuan Tetap Perkhidmatan Awam RM160.00  
Imbuan Tetap Perumahan RM300.00  
Imbuan Tetap Sara Hidup RM350.00

**KEKOSONGAN : 2 Kekosongan**

**SYARAT LANTIKAN :** - Warganegara Malaysia  
- Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

**KELAYAKAN LANTIKAN :** i) Sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau penyimpanan kira-kira yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan pada Gred W29 : RM1,510.92)

**ATAU**

ii) *Certified Accounting Technician* (CAT) yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan pada Gred W29 : RM1,510.92)

**ATAU**

- iii) Diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan pada Gred W29 : RM1,776,08)

#### **ATAU**

- iv) *Licentiate of the Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang pentadbiran kewangan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan pada Gred W29 : RM2,001.68)

#### **DAN**

- Syarat Bahasa Melayu** : Calon lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia (sekurang-kurangnya Gred C) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- Deskripsi Tugas** : Bertanggungjawab melaksanakan pengauditan berdasarkan Rancangan Audit Tahunan yang diluluskan terhadap Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri :-
- i) Audit Pengurusan
  - ii) Audit Pengurusan Kewangan (AI)
  - iii) Audit Prestasi
  - iv) Pemeriksaan Mengejut
  - v) Audit Pengurusan Perolehan
  - vi) Audit Pengurusan Aset dan Inventori
  - vii) Pemantauan
  - viii) Susulan Laporan Audit
  - ix) Pemeriksaan Baki Awal Aset
  - x) Laporan Khas

#### **Penaklukan di bawah syarat-syarat Skim Perkhidmatan**

Calon-calon yang memasuki skim perkhidmatan jawatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dalam skim perkhidmatan jawatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat keatasnya dari semasa ke semasa.

## CARA MEMBUAT PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah menggunakan borang asal **UAD 01/2020** yang boleh dimuat turun daripada laman web rasmi Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Unit Audit Dalam **<https://www.johor.gov.my/uad>**
2. Borang-borang yang telah lengkap diisi dengan jelas dan terang dengan HURUF BESAR hendaklah disertakan dengan Salinan sah dokumen-dokumen berikut:-
  - i) Sijil Kelahiran
  - ii) Kad Pengenalan
  - iii) Sijil Berhenti Sekolah/Sijil Persekolahan
  - iv) Kad Bekas Tentera/Polis (jika ada)
  - v) Lain-lain Sijil/Surat Akuan berkaitan
3. Permohonan daripada kakitangan yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) bagi 3 (tiga) tahun terakhir yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan.
4. Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:

**Ketua Unit Audit Dalam,  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor,  
Unit Audit Dalam,  
Aras 1, Bangunan Dato' Jaafar Muhammad,  
Kota Iskandar,  
79503 Iskandar Puteri, Johor.**

**Tarikh Tutup Permohonan : 15 Oktober 2023 (Ahad)**
5. Catatan :
  - (a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
  - (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.
  - (c) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.
  - (d) Keutamaan adalah daripada calon lelaki.

**Ketua Unit Audit Dalam,  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor,  
Unit Audit Dalam,  
Aras 1, Bangunan Dato' Jaafar Muhammad,  
Kota Iskandar,  
79503 Iskandar Puteri, Johor.**

**No.Tel.Pejabat : 07-2666150  
Tarikh : 21 September 2023**